

GARISPANDUAN BAGI PENGGUNAAN TANAH LAPANG SEDIA ADA DI DALAM KAWASAN MPPP

1.0 Tujuan Garispanduan

- 1.1 Tujuan penggunaan tanah lapang sedia ada yang didaftarkan atas hakmilik Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

2.0 Definisi Tanah Lapang

- 2.1 Tanah lapang sebagaimana yang ditakrif oleh Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dalam Seksyen 2 (f) adalah sebagai “mana-mana tanah sama ada dikepong atau tidak yang dikhaskan atau direzabkan untuk dikhaskan keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai suatu taman bunga awam, taman awam, padang sukan dan rekreasi awam, tempat makan angin awam, tempat jalan kaki awam atau sebagai suatu tempat awam”

3.0 Syarat Penggunaan Tanah Lapang Sedia Ada

- 3.1 Syarat penggunaan tanah lapang sedia ada yang sebahagiannya dibenarkan untuk digunakan lain-lain aktiviti adalah seperti berikut:

- a) Saiz minimum tanah lapang dan rekreasi ialah 0.2 hektar (0.5 ekar) atau di mana sesuai.
- b) Dataran untuk pelbagai tujuan seperti bersenam, beriadah dan bermain. Dataran ini tidak melebihi 10% dari kawasan lapang dengan keluasan maksimum 1000 kaki persegi. Dicadangkan kegunaan alternatif untuk dataran sebagai tempat letak kereta pada waktu malam.

Atau

- c) Satu bangunan serbaguna atau bangunan komuniti yang boleh digunakan sebagai dewan komuniti, rukun tetangga, Dewan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung, pondok polis, perpustakaan dan persatuan penduduk. Maksimum keluasan tapak (foot-print) bangunan tersebut hendaklah tidak melebihi 3000 kaki persegi dengan syarat tidak ada bantahan daripada organisasi dari penduduk tempatan.
- d) Perletakan bangunan serbaguna ini hendaklah sesuai keadaan persekitaran dan tidak mengganggu fungsi tanah lapang berkenaan.

- e) Bangunan serbaguna ini tidak boleh digunakan untuk tujuan selain dari aktiviti kemasyarakatan dan tidak terhad kepada satu organisasi sahaja. Pemohon hendaklah membenarkan lain-lain pertubuhan/individu menggunakan bangunan tersebut jika ada permohonan.
- f) Bangunan dan aktiviti keagamaan tidak dibenarkan di atas kawasan lapang.
- g) Mendapat sokongan Jabatan Perpaduan Negara, Pejabat Tanah dan Daerah, KEMAS dan dirujuk kepada YB ADUN.
- h) Pelan Bangunan hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk tujuan rekod sahaja.
- i) Dewan komuniti diuruskan dan diselenggara oleh Pejabat Tanah dan Daerah.
- j) Bangunan hendaklah tidak lebih daripada 2 tingkat.

4.0 Panduan Permohonan Tanah Lapang Sedia Ada Untuk Kemudahan Awam

- 4.1 Memenuhi syarat penggunaan tanah lapang sedia ada seperti di para 2 sahaja.
- 4.2 Orang yang layak memohon:
 - 4.2.1 Agensi/Jabatan Kerajaan
 - 4.2.2 Pertubuhan/Persatuan yang berdaftar dengan Jabatan Daftar Pertubuhan (ROS)
- 4.3 Cara-cara permohonan (senarai semak):
 - 4.3.1 Sertakan pelan-pelan seperti berikut:
 - a) Pelan kunci dan lokasi tapak
 - b) Pelan tapak asal yang sedia ada
 - c) Gambarfoto sedia ada
 - d) Pelan cadangan yang berskala. Catatkan keluasan yang dipohon
 - e) Pelan perincian
 - f) Anggaran kos

4.3.2 Permohonan beserta pelan cadangan hendaklah dikemukakan kepada Tuan Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Tingkat 17, KOMTAR, 10675, Pulau Pinang.

Diluluskan oleh Mesyuarat Biasa Majlis pada 17.12.2007